Pertimbangan Dasar

Sorotan Mesyuarat MPC bulan Julai 2025

- Pada mesyuarat bulan Julai 2025, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% berikutan wujudnya risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dalam keadaan harga yang stabil.
- MPC kekal memantau perkembangan semasa dengan teliti dan akan terus menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Pengurangan OPR merupakan langkah awalan untuk mengekalkan persekitaran pertumbuhan Malaysia yang stabil dalam keadaan prospek inflasi yang sederhana

Setelah mengekalkan OPR pada 3% dalam mesyuarat bulan Mei 2025, MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% dalam mesyuarat MPC bulan Julai 2025 baru-baru ini. Pelarasan OPR ini merupakan langkah awalan untuk mengekalkan persekitaran pertumbuhan Malaysia yang stabil dalam keadaan ketidakpastian luaran, berlatarkan kestabilan harga dalam negeri.

Pada mesyuarat bulan Julai, penunjuk terkini menandakan pertumbuhan global yang berterusan, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan dan sedikit sebanyak menerusi aktiviti yang dilakukan lebih awal (*front-loading*). MPC menilai bahawa prospek pertumbuhan global dijangka terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, dasar monetari yang kurang ketat dan rangsangan fiskal. Prospek ini dipengaruhi oleh ketidakpastian berhubung dengan perkembangan tarif serta ketegangan geopolitik. Ketidakpastian ini juga boleh menyebabkan volatiliti yang lebih ketara dalam pasaran kewangan global dan harga komoditi.

Bagi Malaysia, perkembangan terkini setakat mesyuarat MPC Julai menunjukkan pertumbuhan berterusan dalam kegiatan ekonomi pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan serta pertumbuhan eksport. Pada masa hadapan, pertumbuhan dijangka disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Pertumbuhan guna tenaga dan upah, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri, berserta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan, akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Pengembangan aktiviti pelaburan akan diteruskan oleh kemajuan projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah beberapa pelan induk nasional. Hasil rundingan perdagangan yang menggalakkan, dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju, permintaan untuk barangan elektrik dan elektronik yang berterusan serta aktiviti pelancongan yang lebih giat boleh meningkatkan prospek eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, MPC menilai imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan cenderung untuk menjadi perlahan, berpunca terutamanya daripada perdagangan global yang lebih perlahan, sentimen yang lebih lemah serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.

Pertimbangan Dasar

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata sebanyak 1.4% dan 1.9% pada lima bulan pertama tahun ini. Secara keseluruhan, inflasi pada tahun 2025 dijangka kekal sederhana berikutan keadaan kos global yang terkawal dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan. Tekanan inflasi daripada harga komoditi global dijangka kekal terhad, lantas menyumbang kepada keadaan kos dalam negeri yang sederhana. Dalam persekitaran ini, kesan keseluruhan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang telah dan akan diumumkan terhadap inflasi dijangka terkawal.

Prestasi ringgit akan terus didorong terutamanya oleh faktor luaran. Prospek ekonomi Malaysia dan pembaharuan struktur dalam negeri yang menggalakkan, berserta inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan aliran dana, akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

Walaupun MPC menilai bahawa ekonomi dalam negeri berada pada landasan yang kukuh, ketidakpastian berhubung dengan perkembangan luaran akan mempengaruhi prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Oleh itu, pengurangan OPR merupakan langkah awalan yang bertujuan mengekalkan persekitaran pertumbuhan Malaysia yang stabil dalam keadaan prospek inflasi yang sederhana. MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.